

Untuk Siaran Segera

Program Didikan Kerjaya Industri Perniagaan

‘From Cradle to Career’

Kolaborasi perkongsian pintar yang menjadikan duta perniagaan sebagai karier pilihan

Kuala Lumpur, 17 Ogos 2010 – Dengan masalah pengangguran yang dihadapi oleh para siswazah pada masa kini, syarikat Elektronik Pengguna nombor satu Malaysia, Panasonic Malaysia dan institusi pengajian tinggi nombor satu negara, Universiti Malaya telah memberi persetujuan dalam Memorandum Pemahaman untuk menghasilkan kolaborasi perkongsian pintar antara industri dan akademi.

Kolaborasi perkongsian pintar, program “From cradle to career” merupakan program yang pertama sebegini yang ditawarkan antara bidang industri dan pengajian tinggi. Ini adalah sebuah inisiatif untuk mendidik para siswazah muda dari tahun satu sehingga tamat pembelajaran dengan latihan perindustrian dan program perkembangan yang lengkap.

Objektif kolaborasi ini adalah untuk berkongsi tanggungjawab antara industri dan pengajian tinggi dalam pembangunan industri yang mempunyai persamaan dalam kemahiran kerja, sifat pekerjaan dan kecekapan. Kerjasama antara pihak universiti dan industri akan menggalakan usaha untuk menghasilkan para siswazah yang cemerlang.

“Panasonic Malaysia akan bekerjasama dengan pelajar-pelajar Universiti Malaya dari tahun pertama sehingga tamat pengajian. Dengan kolaborasi ini, kami mengambil langkah berani untuk terlibat dan membantu siswazah pengajian tinggi menjadi para siswazah yang cekap dan pekerja yang berpotensi.” Menurut kata Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

“Program ini dituju untuk membina tenaga kerja masa depan dengan pandangan jangka panjang dalam menjadikan duta perniagaan sebagai pilihan karier. Duta Perniagaan sebagai Pilihan Karier menjadi realisasi apabila beberapa penganjur ‘*promoter*’ kami merupakan pemegang ijazah. Para siswazah ini mengakui keselesaan waktu bekerja yang sesuai, persekitaran perkerjaan dan kapasiti pendapatan. Selain itu, mereka mempamerkan kebolehan pemikiran yang tinggi disamping tahap pembelajaran yang lebih tinggi.”

Panasonic Malaysia mempercayai falsafah pengasas mereka iaitu Konosuke Matsushita, “kami pentingkan orang ramai sebelum produk”. Menjadi entiti awam di mata masyarakat, syarikat ini mempunyai tanggungjawab untuk melakukan aktiviti yang dapat memberi manfaat dan meningkatkan kualiti kehidupan dalam komuniti. Mustahil untuk sebuah syarikat – entiti awam yang telah menggunakan tanah, tenaga kerja, wang dan bahan-bahan dari persekitaran - tidak berkhidmat untuk komuniti sendiri. Kerana masyarakat adalah asas kepada aktiviti korporat Panasonic.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: TW Lee
Pengetua, Akademi Perniagaan & Latihan
Tel: 03 7809 7609 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 656 1731
Emel: teewee.lee@my.panasonic.com

Tentang Universiti Malaya

University Malaya (UM) merupakan sebuah Universiti Penyelidikan utama di Malaysia. Ia merupakan sebuah Universiti Penyelidikan pelbagai disiplin yang mempunyai lebih dari 25,000 pelajar dan 2,000 tenaga pengajar dengan 20 fakulti/akademi/institusi yang merangkumi kesemua spectrum pelajaran seperti bidang Seni, Sains, dan Kemanusiaan. Perjalanan universiti ini bermula di Kuala Lumpur pada tahun 1959 dan sejak itu university ini mempunyai alumni seramai 100,000 dan antaranya adalah personaliti tersohor dan pemimpin pemimpin dari pelbagai bidang.

Seperti mana-mana university berprestij, kekuatan kami berada di kreativiti, bakat, dan dinamik tenaga pengajar. Penyelidik-penyelidik mempunyai kolaborasi perkongsian dengan lebih dari 100 institusi antarabangsa yang menyelidik topic seperti HIV-Aids, penyakit berjangkit, biodiversity, nanoteknologi, undang-undang, harta intelektual (*intellectual property*),

budaya, agama, pembelajaran tentang jantina (*gender studies*) dan pembelajaran pembasmi kemiskinan (*poverty eradication studies*). Dalam tahun dan masa yang akan datang, dari hasil pembiayaan penyelidikan besar yang diterima oleh university ini, akan terdapat peningkatan yang tinggi dalam aktiviti penyelidikan kualiti tinggi dan publikasi yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar cemerlang dan tenaga pengajar kami.

Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi atau emel pihak universiti:

International and Corporate Relations Office (ICR)
Level 1, Chancellory Building
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA
Tel: +603-7967 7022 / 3273
Fax: +603-7956 0027
Email : icr@um.edu.my

###